

05/02/1999

Lima karyawan buat biografi Siti Hasmah

Rosmin Darus

DUA tahun iaitu tempoh yang diambil lima karyawan Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) untuk menyiapkan biografi bergambar Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali: Citra Wanita Dua Zaman, setebal 236 muka surat.

Biografi yang menggariskan kepintaran dan keprihatinan isteri Perdana Menteri dalam melaksanakan lima fungsi utama yang ditanggungnya setiap hari, sebagai isteri, ibu, doktor perubatan, pemimpin masyarakat dan pendorong kegiatan sukan serta seni dilancarkan dalam suasana meriah, baru-baru ini oleh Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin.

Panel penulis biografi bergambar ini ialah Prof. Datuk Dr Nik Safiah Karim, Datin Azizah Mokhzani, Prof. Dr Rokiah Talib, Prof. Dr Farida Habib Shah dan Normah Dali.

Penulis biografi menganggap penulisan ini sebagai cabaran besar kerana subjeknya begitu halus dan tinggi budi pekerti tetapi pada masa yang sama, kaya dengan pendekatan profesional.

Gaya penulisan yang bersahaja dan mudah supaya boleh diikuti oleh semua golongan turut menyingkap zaman silam Dr Siti Hasmah, sejak bergelar kanak-kanak hingga ke alam remaja, pelajar, isteri, ibu hinggalah sekarang.

Biografi ini turut mengutarakan kekaguman penulisnya terhadap Dr Siti Hasmah kerana menganggap beliau adalah antara segolongan kecil wanita yang berjaya memikul banyak tanggung jawab dan melaksanakannya tanpa menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan keluarga serta rumah tangga.

Sebagai isteri Perdana Menteri, penulis menyifatkan Dr Siti Hasmah sentiasa berada di bawah teropong masyarakat dan keistimewaan pada diri Wanita Pertama itu boleh menjadi pendorong serta sumber inspirasi wanita lain.

Kehidupan Dr Siti Hasmah juga disingkap bukan hanya menerusi pengumpulan data pembacaan tetapi temubual dengan beliau sendiri serta sanak saudara termasuklah suaminya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga anak-anak.

Mengikut penulis, semakin didekati beliau, semakin terserlah, ciri-ciri istimewanya dan nyata sekali ia tiada kena mengena dengan kedudukannya sebagai isteri seorang pemimpin.

Biografi itu bermula dengan prolog yang menceritakan diari hariannya seperti bangun awal untuk solat subuh, diikuti mengatur tugas pembantu rumah dan pekerja seterusnya bersarapan dengan suami.

Hanya selepas suaminya keluar bertugas, Dr Siti Hasmah memulakan persiapan bagi menghadapi acara yang dijadual untuknya.

Kekaguman kepada wanita itu juga menyerlah kerana dalam usianya yang sudah melewati 70 tahun, Dr Siti Hasmah masih berkemampuan dan cergas menyempurnakan pelbagai acara rasmi berkaitan hal ehwal wanita, kanak-kanak, kesihatan, seni, kraftangan dan sukan badminton.

Beliau juga menemani dua anaknya yang masih bersekolah pada setiap keadaan yang memerlukan ibu untuk bersama.

Menurut penulis, ke mana saja beliau pergi, wajahnya sentiasa segar, tenang dan tersenyum kerana tidak ada ruang baginya bagi mencari erti penat, segan dan jemu.

Biografi bergambar itu juga dilengkapi carta susur galur keluarga Dr Siti Hasmah. Ia menjelaskan mengenai anggota keluarga dan adik beradik wanita itu.

Gambar keluarga Dr Siti Hasmah bersama ibu dan ayahnya hinggalah kepada

gambar beliau bersama anak-anak ketika kecil dipaparkan supaya umum dapat mengenalinya secara lebih dekat.

Selain itu, mutu kertas dan percetakan biografi ini adalah daripada kualiti tinggi. Gambar yang dipaparkan walaupun ada yang sudah melebihi 50 tahun, masih jelas untuk tatapan.

(END)